

20 JUN 1999

Mahathir-Umno (Petronas)

SAYA TIDAK SURUH PETRONAS BERI RM2 BLN PADA MIRZAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak tuduhan terbaru Datuk Seri Anwar Ibrahim Anwar kononnya anak beliau Mirzan mendapat RM2 bilion daripada Petronas.

Perdana Menteri berkata tidak ada bukti sama sekali bahawa beliau menyuruh Petronas mengeluarkan wang RM2 bilion kepada anaknya seperti yang didakwa oleh bekas timbalannya itu dalam satu kenyataan yang diedar semasa beliau dibicarakan di mahkamah di sini semalam.

"Dua bilion ringgit bukanlah duit yang sedikit, boleh isi satu bilik. Nak bagi kepada anak saya buat apa, nak bagi saya mampueh (mati)," katanya dalam ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung Umno 1999 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Sambil menunjukkan kepada perwakilan salinan kenyataan itu yang diterimanya daripada seorang pemberita, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu daripada mana asas tuduhan itu diperolehi Anwar tetapi percaya ia bukan ditujukan kepada anaknya tetapi kepada beliau sendiri.

Katanya tidak mungkin beliau mahu memburukkan nama beliau sendiri dengan menyuruh Petronas memberikan kepada anaknya sebanyak RM2 bilion.

"Bagaimanapun, tuduhan yang dibuat ini ada orang yang mempercayainya," kata Dr Mahathir yang juga presiden parti.

Sepatutnya, kata Perdana Menteri, Anwar didakwa kerana membuat tuduhan yang tidak berasas itu.

Menurut Perdana Menteri, sebenarnya, syarikat yang terlibat membeli perniagaan dan aset-aset Konsortium Perkapalan Bhd (KPB), syarikat perkapalan yang Mirzan memegang majoriti sahamnya, ialah Malaysian International Shipping Corporation Bhd (MISC).

"Petronas tidak terlibat sama sekali dalam hal ini," katanya.

Pada pertengahan Ogos tahun lepas KPB mendapat kebenaran Suruhanjaya Sekuriti bagi cadangan penjualan perniagaan perkapalan dan aset-aset KPB pada harga tunai US\$220 juta (US\$1=RM3.80) kepada MISC, anak syarikat Petronas.

"Walaupun Petronas memiliki MISC tetapi Petronas tidak membeli syarikat perkapalan yang dimiliki oleh anak saya yang menghadapi masalah kerana kegawatan ekonomi," katanya.

Katanya dalam proses penjualan kepada MISC, KPB mengalami kerugian yang teruk.

Dr Mahathir berkata Mirzan pada mulanya ingin menjual syarikat miliknya kepada sebuah syarikat Cina yang memberi tawaran lebih baik.

"Tapi saya kata kepada dia (Mirzan), ini (KPB) syarikat Bumiputera, kalau jual kepada orang Cina, apa orang kata kepada saya.

"Saya mengaku benar-benar (bahawa) saya kata kepada anak saya jangan jual kepada syarikat Cina. Saya minta maaf," katanya.

Dr Mahathir juga menjelaskan bahawa penilaian untuk jualan itu dibuat oleh syarikat berkelayakan, Chase Manhattan Bank of New York, yang menilai harganya US\$313 juta tetapi MISC membelinya pada harga US\$220 juta.

"Ini menyebabkan kerugian," katanya, sambil menjelaskan: "Jika dia (Mirzan) jual syarikat kepada syarikat Cina ini, saya yakin dia tidak rugi."

Beliau berkata tuduhan secara umum yang dibuat oleh Anwar itu mesti dijawab kerana jika tidak, orang akan berkata bahawa benarlah Dr Mahathir menyuruh Petronas memberi RM2 bilion kepada Mirzan.

"Bukan main mudah (Anwar menuduh). Kalau saya boleh bagi RM2 bilion

kepada anak saya tidak bolehkah saya bagi sekurang-kurangnya RM500 juta kepada Umno," katanya berseloroh.

"Ini adalah fitnah yang datang dari mulut Datuk Seri Anwar dengan mudahnya. Sebenarnya dia yang menyuruh Petronas kerana saya tidak ada kaitan sama sekali dengan sebarang urusan yang berkaitan dengan anak saya"

"Banyak lagi orang yang dok mai (datang) mintak-mintak kat (pada) saya ini, saya panggillah pi (pergi) jumpa Petronaslah. Hassan Marican (Presiden Petronas, Tan Sri Hassan Marican) tolong bayar sat (pada) dia nak RM500,000," katanya.

Katanya dalam kabinetpun, kalau perkara-perkara yang ada kaitan dalam keluarga maka orang itu perlu keluar (dari mesyuarat kabinet).

"Dan saya keluar (mesyuarat) kabinet banyak kali. Bila ada perkara yang (walau) sedikit pun ada kaitan dengan keluarga saya.

"Saya tidak terlibat dalam perbincangan (syarikat Mirzan). Saya tidak mengambil bahagian dalam membuat apa-apa keputusan," katanya.

Mengenai pengeluaran lesen judi di Sabah, Dr Mahathir menolak dakwaan bahawa Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin yang mengeluarkan lesen itu sedangkan pada masa itu beliau (Daim) belum berada dalam kabinet.

Perdana Menteri berkata kerajaan persekutuan telah menghentikan lesen judi tetapi bagi negeri Sabah selepas dikaji, negeri itu berkuasa meluluskan lesen judi.

Jadi dibuatkan satu peraturan bahawa pengeluaran lesen judi di negeri Sabah harus dirujuk kepada kerajaan persekutuan dengan tujuan supaya tidak ada lesen baru dikeluarkan, katanya.

Bagaimanapun, Menteri Kewangan ketika itu, iaitu Anwar, menggunakan peruntukan berkenaan untuk meluluskan lesen judi di Sabah.

-- BERNAMA

RIZ RON